

Berita Minggu, Ahad, 16 Mei, 1982

Dr. Mahathir kecewa, PAS tolak tawaran

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meluahkan rasa kecewanya untuk mengajak PAS menyertai semula Barisan Nasional memandangkan sambutan dingin oleh para pemimpin parti itu.

"Saya dah jemu nak menjawab soalan bila lagi saya nak mempelawa PAS masuk Barisan Nasional," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan sidang Majlis Tertinggi UMNO di sini.

"Saya telah membuat kenyataan beberapa kali mengajak PAS menjadi anggota Barisan Nasional. Tetapi nampaknya saya sahaja hidung tak mancung, pipi tersorong-sorong."

Datuk Seri Dr. Mahathir telah membuat dua kenyataan terbuka mempelawa PAS menyertai semula Barisan Nasional tetapi ditolak oleh pemimpin PAS. — Bernama.